

[Laman utama](#)


PTAR Perkukuh Jalinan Strategik Bersama Fakulti Muzik melalui Sesi Meet & Greet

 Perpustakaan UiTM  Jun 24, 2025  0 Ulasan


FOLLOW US



TOTAL PAGEVIEWS



KETUA PUSTAKAWAN UITM



Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



Dalam usaha memperkukuh jaringan strategik dan memperluas promosi perkhidmatan perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan sesi Meet & Greet bersama Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pendekatan proaktif PTAR dalam memupuk sinergi bersama fakulti dalam memperkasa budaya ilmu serta menyemarakkan amalan membaca dalam kalangan warga universiti.

Program yang berlangsung pada 24 Jun 2025 ini telah diselaras oleh Unit Perkhidmatan Pelanggan, dengan penglibatan enam (6) orang pegawai yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan, En. Ahamad Zuber. Kehadiran Prof. Dr. Tazul Izan Tajuddin, Dekan Fakulti Muzik, bersama barisan pengurusan tertinggi fakulti menyerlahkan komitmen terhadap kerjasama rentas jabatan dalam ekosistem universiti.

Antara pengisian utama program ini termasuk pembentangan mengenai perkhidmatan PTAR, kemudahan akses maklumat, dan sokongan penyelidikan yang ditawarkan kepada warga fakulti. Turut dikongsikan ialah pelaksanaan Program Galakan Membaca "1 Warga, 24 Naskah Bahan Bacaan" yang menyokong pencapaian Petunjuk Prestasi Universiti PI145 – Knowledge Society.

Beberapa maklumbalas dan cadangan kerjasama telah dikemukakan sepanjang 2 jam sesi meet and greet dan antaranya adalah :

- Membuka peluang hak cipta (copyright) skor muzik untuk pendigitalan melalui inisiatif repositori.
- Pembangunan bahan skor muzik yang diselaraskan dengan skor sebenar yang digunakan pensyarah semasa pengajaran.
- Penyumbangan skor muzik asli oleh pensyarah untuk didigitalkan dan diarkibkan.
- Pembangunan repositori berfasa dengan tumpuan awal terhadap bahan berceraian (loose leaf).
- Cadangan bahan bacaan untuk disediakan oleh perpustakaan daripada pelajar pascasiswazah.
- Bengkel berbayar bagi membantu pelajar pascasiswazah
- Pewujudan koleksi khas (special archive) berkaitan muzik untuk simpanan jangka panjang.
- Integrasi maklumat dengan perisian pengurus rujukan (reference manager software).
- Penyediaan senarai rujukan tesis atau FYP pelajar Fakulti Muzik.
- Cadangan pengisian Fakulti Muzik dalam pangkalan data Memori UiTM yang kini masih belum direkodkan.

“Saya berharap segala cadangan yang telah dikemukakan dapat direalisasikan dan tidak terhenti setakat pertemuan ini sahaja. Khususnya, saya amat menghargai inisiatif PTAR dalam usaha pemuliharaan bahan muzik seperti skor dan koleksi berkaitan, serta cadangan pembangunan repositori khusus yang bakal memberi manfaat besar kepada seluruh warga Fakulti Muzik,” ujar Prof. Dr. Tazul Izan

Menariknya, sesi turut mencetuskan idea baharu apabila En. Ahamad Zuber mencadangkan agar lagu khas mengenai budaya membaca digubah oleh fakulti, dan perkara ini disambut positif oleh pihak dekan. Gubahan lagu tersebut dijangka akan dikemukakan dalam masa terdekat sebagai salah satu inisiatif pemerkasaan budaya ilmu.



Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ADDITIONAL INFORMATION

UiTM Hari Ini Dalam Sejarah

Archive Collection

Corporate Memory

Galeri Tun Abdul Razak

UITM NEWS HUB

Acuan Kepimpinan Era Digital: UiTM Terengganu Santuni Pelajar Marang - 25/06/2026

Pakar Industri Kongsi Aplikasi AI dalam Pelan Pemasaran Kepada Pelajar UiTM Perak - 20/06/2026

Sinergi Agensi Kerajaan Perkukuh Kebajikan Mahasiswa di Dapur Siswa MADANI UiTM Sabah - 20/06/2026

UITM INSTITUTIONAL REPOSITORY (LATEST ADDITION)

Forecasting stock prices and evaluating portfolio of oil and gas companies in Malaysia: a Geometric Brownian Motion mode - 30/07/2026

Compact car selection using analytic hierarchy process - 30/07/2026

Memperkasakan suara ahli: MITASA fokus aspek perundangan dan kebajikan - 30/07/2026

Sesi Meet & Greet ini diakhiri dengan simbolik penyerahan warkah Budaya Membaca UiTM oleh Ketua Pustakawan UiTM kepada pihak Fakulti Muzik sebagai tanda sokongan terhadap pelaksanaan Inisiatif Galakan Membaca "1 Warga, 24 Naskah". Simbolik ini mencerminkan komitmen berterusan PTAR dalam memperkukuh budaya membaca dan menjalin kolaborasi bermakna bersama fakulti dalam membina masyarakat kampus yang berilmu dan berbudaya ilmu..



LINKS TO THIS POST



**Kempen Jom Pulang
Buku perpustakaan UiTM**

🕒 July 30, 2026



**54 Tahun PTAR UiTM |
Gudang Ilmu, Merintis
Kecemerlangan**

🕒 July 29, 2026



**SELEPAS 50 TAHUN,
SIREH KEMBALI KE
GAGANG**

🕒 July 28, 2026

POST A COMMENT

FACEBOOK KETUA PUSTAKAWAN UITM

FACEBOOK PERPUSTAKAAN UITM

INSTAGRAM PERPUSTAKAAN UITM